

ABSTRAK

Kajian ini cuba menganalisis mengikut perspektif hukum Islam terhadap pengamalan adat menyambut kelahiran bayi dalam masyarakat Melayu Islam terutamanya masyarakat di jajahan Tanah Merah. Kajian ini dibahagikan kepada enam bab. Selepas bab pertama yang merupakan pendahuluan kepada disertasi, kajian ini memberikan penerangan tentang konsep kelahiran zuriat menurut Islam yang dibincangkan secara terperinci. Di samping itu dibincangkan juga tentang konsep dan definisi adat dalam Islam, pengkategorian adat dalam masyarakat Melayu Islam dan bentuk-bentuk adat menyambut bayi sama ada sebelum dan selepas kelahiran. Kemudian diikuti pula dengan huraian analisis tentang pengamalan dan kepercayaan yang telah ditanam kepada adat yang diamalkan dalam masyarakat Islam di lokasi kajian. Analisis ini dilakukan secara lebih terperinci dengan berdasarkan borang kaji selidik, temubual serta pemerhatian (*observation*) yang dilakukan ke atas responden yang terdiri daripada bidan kampung, tuan Imam, tuan guru, kakitangan kerajaan dan kakitangan swasta, buruh, surirumah dan lain-lain lagi. Seterusnya kajian ini diikuti dengan dengan analisis hukum serta tanggapan masyarakat tersebut terhadap adat-adat yang diamalkan. Akhir sekali, kajian ini membuat perbincangan secara umum berkenaan saranan yang perlu dilakukan oleh pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyambut kelahiran bayi serta kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan kajian. Dapatkan kajian ini mendapati kebanyakan amalan adat menyambut kelahiran bayi di lokasi kajian tidak menampakkan unsur-unsur percanggahan dengan ajaran Islam jika dilihat melalui persepsi falsafah, kesihatan dan penjagaan bukannya kepercayaan.

ABSTRACT

The study will utilize the syariah analysis upon the topic of the practice of traditional customs in welcoming the birth of baby among the Malay Muslim Society in the district of Tanah Merah. This study is divided into six chapters. In chapter one the study contain the background of the study followed by the chapter two which discusses the concept of the customs in Islam and its classification in the Malay Muslim customs and their form of practices before and after giving birth. This chapter is being followed by the discussion on the analysis of the practices and beliefs of the practiced customs in the Malay Muslim society involved. This analysis is carried out in detail using data form the survey, interview and observation conducted on the respondents. The respondents are of the village midwives, imam, tuan guru, government servants, private sector workers, housewives, laborer and etc. The next part of the research is on the analysis of the hukum (laws) and perception of the society towards the related customary practices. Finally, there is a general discussion which includes some suggestions that need to be implemented by all the involved parties in the process of welcoming a newborn and the conclusion drawn based on this study. The findings of the study finds that most of the present Malay custom (Adat) of giving birth practiced in Tanah Merah, Kelantan was not contradicted with the Islam legal principles.